

## MSM jual tanah pertanian RM156 juta

KUALA LUMPUR 8 Okt. - MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) menandatangani Perjanjian Jual & Beli (SPA) bersama F&N Agrivalley Sdn. Bhd. (dahulu dikenali sebagai Rimba Perkasa Sdn. Bhd.) bagi melupuskan tanah pertanian seluas 4,453.92 hektar di Chuping, Perlis bernilai RM156 juta.



Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM,  
Datuk Khairil Anuar Aziz  
akan berkurangan.

Fraser & Neave Holdings Bhd (F&N), yang juga merupakan pemilik sepenuhnya F&N Agrivalley, adalah antara pengeluar makanan dan minuman antarabangsa terkemuka di rantau ini.

Hasil daripada pelupusan akan diguna pakai bagi pembayaran semula pinjaman bank serta untuk tujuan modal kerja MSM dan anak-anak syarikat (Kumpulan).

Pelupusan tanah tersebut yang dimiliki oleh anak syarikat MSM, MSM Perlis Sdn. Bhd. (MSM Perlis), adalah sejajar dengan pelan Kumpulan ke arah merasionalisasikan aset di samping memberi fokus kepada perniagaan teras. Ini turut memperkukuhkan lagi kunci kira-kira Kumpulan di mana jumlah hutang

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Datuk Khairil Anuar Aziz berkata, MSM terus memberi fokus dalam mencipta dan menghasilkan nilai dalam kepakaran teras.

“Bagi mencapai matlamat tersebut, kami akan terus melupuskan aset-aset bukan teras bagi memberikan nilai dan memastikan sumber kewangan dan pengurusan komited dengan perniagaan teras kami,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Pada masa ini, tanah tersebut digunakan untuk tanaman getah, kelapa sawit dan mangga.

F&N Agrivalley bercadang untuk memanfaatkan tanah tersebut bagi tujuan penternakan lembu tenusu dan lain-lain aktiviti yang berkaitan.

Proses pelupusan tanah dijalankan secara tender terbuka yang bermula pada Januari 2019.

Menurut Khairil Anuar, keseluruhan proses dijalankan secara telus dan mempunyai tujuan yang jelas dari awal lagi di mana pelupusan tersebut akan memberi manfaat dari aspek nilai komersial dan nilai sosial, bukan sahaja kepada MSM tetapi kepada kerajaan negeri Perlis serta komuniti setempat.

"Walaupun harga jualan tanah adalah 18 peratus kurang daripada nilai pasaran, Ahli Lembaga Pengarah MSM percaya bahawa pelupusan tersebut akan memberi kebaikan kepada Kumpulan memandangkan jumlah hasil daripada tanah tersebut adalah kecil tetapi memerlukan komitmen kewangan yang tidak mapan berikutan kos operasi yang tinggi bagi menguruskan aktiviti perladangan," katanya. - UTUSAN ONLINE

**AGENCY:** Utusan Malaysia (Online)

**LINK:** <https://www.utusan.com.my/bisnes/ekonomi/msm-jual-tanah-pertanian-rm156-juta-1.983122>